

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL
[LIBARAN]**

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah usahawan Bumiputera Sabah yang telah menyertai Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB) yang diperkenalkan pada 27 Januari 2014 lalu dalam usaha menghasilkan usahawan Bumiputera untuk memulakan perniagaan dengan idea yang kreatif.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Skim Usahawan Permulaan Bumiputera atau SUPERB, telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 Januari 2014 bertujuan untuk menggalakkan percambahan idea-idea keusahawanan yang kreatif dan inovatif di kalangan golongan belia Bumiputera dari seluruh negara.

Program SUPERB membuka peluang kepada mereka yang berjaya untuk mendapatkan geran bernilai sehingga RM500 ribu setiap peserta. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta dalam tempoh 3 tahun bermula pada 2014 hingga 2016 bagi tujuan tersebut. Sebanyak RM30 juta telah diperuntukkan pada 2014 untuk diagihkan kepada pemenang-pemenang program ini.

Setakat ini, sejumlah 113 permohonan telah diterima daripada Sabah bagi siri pertama dan kedua Program SUPERB.